

07 NOV 1998

Cukai-Asing/I

PEKERJA ASING DENGAN STATUS "PEMASTAUTIN" DIKECUALIKAN CUKAI 1999

KUALA LUMPUR, 7 Nov (Bernama) -- Pengecualian cukai pendapatan tahun depan turut merangkumi pekerja-pekerja asing yang boleh dikenakan cukai, yang tinggal di negara ini lebih 182 hari dan dikategorikan sebagai "pemastautin", kata ketua eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri Najirah Mohd Tassaduk Khan, hari ini.

Beliau berkata pengecualian itu akan diberikan kepada pekerja asing dengan status sedemikian memandangkan terma "pekerja asing" membawa pelbagai definisi dan tidak digunakan dalam Akta Cukai Pendapatan.

"Peraturan baru ini akan terpakai terhadap mereka seperti mana undang-undang cukai terpakai terhadap mereka," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Cukai Kebangsaan ke-16 di sini.

Mengikut akta sedia ada, pekerja-pekerja asing perlu membayar cukai pendapatan jika mereka dikategorikan sebagai pemastautin selepas tinggal di negara ini lebih 182 hari.

Najirah berkata Peruntukan Peralihan, yang menggariskan mekanisme sistem percukaian baru itu, akan dilaksanakan sementara menunggu undang-undang berkaitan cukai dipinda sebelum tahun 2000.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam ucapan Belanjawan 1999 pada 23 Okt lepas, telah mengumumkan bahawa cukai pendapatan bagi tahun depan dikecualikan untuk memudahkan peralihan bayaran cukai berdasarkan taksiran tahun semasa dan bukannya berasaskan pendapatan tahun sebelumnya, serta sistem taksiran sendiri akan diperkenalkan mulai tahun 2000.

Bagaimanapun, secara teknikal, mereka yang mula bekerja pada 1995 dan selepas itu, tidak perlu membayar cukai pendapatan tahun depan kerana cukai pendapatan mereka bagi 1998 dibayar pada tahun ini.

Mereka yang bekerja sebelum 1995 perlu membayar cukai pendapatan yang diperolehi pada 1998 pada tahun depan.

Najirah berkata Lembaga Hasil Dalam Negeri akan mengadakan seminar-seminar serupa di Sabah, Sarawak, Pulau Pinang dan Johor Baharu dalam bahasa Inggeris dan di Kuala Terengganu dalam Bahasa Melayu.

Seminar setengah hari itu dianjurkan oleh Kesatuan Sekerja Lembaga Hasil Dalam Negeri.

-- BERNAMA

HJ NAK